

Kemaskini pada 29 Jun 2020

**HONG LEONG ISLAMIC BANK BERHAD**  
**“Peraduan TIA-i - Dyson T40 Pure Cool Purifiers”**

**TERMA DAN SYARAT PERADUAN**

Terma-terma dan Syarat-syarat Akaun Pelaburan Berjangka-i oleh Hong Leong Islamic Bank Berhad ini (TIA-i) hendaklah dibaca bersama-sama Terma-terma & Syarat-syarat Am TIA-i dan mana-mana terma-terma dan syarat-syarat berkaitan yang dikenakan oleh Hong Leong Islamic Bank Berhad 200501009144 (686191-W) (“**HLISB**” atau “**Bank**”). Bank boleh mengenakan terma-terma dan syarat-syarat lain yang berkaitan di samping peraturan-peraturan lain pada bila-bila masa dengan pemberitahuan terlebih dahulu.

Terma dan Syarat ini hanya terpakai ke atas TIA-i, iaitu Akaun Pelaburan Tidak Terhad (UA) yang membenarkan langganan dana serta pengeluaran dilakukan melalui Perkhidmatan Perbankan Digital Hong Leong (“**Hong Leong Connect**”).

“**Peraduan TIA-i Dyson T40 Pure Cool Purifiers**” HLISB (“**Peraduan**”) ini akan bermula daripada 1 Julai 2020 dan berakhir pada 31 Julai 2020, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Peraduan**”) melainkan diberitahu sebaliknya.

**Terma & Syarat**

Terma dan Syarat Peraduan adalah seperti berikut:-

1. Peraduan ini terbuka kepada individu-individu dan perniagaan-perniagaan tunggal (“**Pelanggan**”) yang merupakan pemegang akaun utama HLISB Akaun Semasa atau Simpanan-i (“**CASA-i**”) / Hong Leong Bank Berhad (“**HLBB**”) Akaun Semasa atau Simpanan (“**CASA**”). Pelanggan hendaklah mendaftar terlebih dahulu dengan Hong Leong Connect sebelum atau semasa Tempoh Peraduan.
2. Untuk menyertai Peraduan ini, Pelanggan dikehendaki melanggan TIA-i dalam tempoh Peraduan dari 1 Julai 2020 hingga 31 Julai 2020.
3. Pemegang Akaun Bersama CASA-i / CASA tidak boleh membuka atau mengendalikan TIA-i dan tidak dibenarkan untuk menyertai Peraduan ini.
4. Tiada had untuk bilangan penyertaan yang dibuat semasa tempoh Peraduan, namun, setiap Pelanggan hanya layak untuk memenangi satu (1) hadiah sahaja.
5. Peraduan ini hanya sah untuk langganan baru untuk TIA-i melalui Hong Leong Connect yang dibuat semasa Tempoh Peraduan.
6. Untuk mengelakkan keraguan, pembaharuan langganan TIA-i tidak layak untuk menyertai Peraduan ini.
7. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLISB / HLBB atau telah diisyiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflisan pada

bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Peraduan TIDAK layak menyertai atau /akan serta-merta dilucutkan kelayakannya daripada menyertai Peraduan.

8. Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh HLISB / HLBB sebagai berpotensi untuk melakukan sebarang perbuatan salah yang dijelaskan dalam dokumen ini, akan dengan serta-merta dilucutkan kelayakannya untuk menyertai Peraduan ini.
9. Semua kakitangan HLB/HLISB tidak layak untuk menyertai Peraduan ini.

### **Mekanisme Peraduan**

10. Untuk Pelanggan yang mempunyai CASA-i / CASA dengan pihak HLISB / HLBB, langganan dana hanya boleh dibuat melalui Hong Leong Connect dari CASA-i / CASA. Pelanggan tanpa CASA-i / CASA dengan pihak Bank dikehendaki membuka CASA-i sebelum melanggan TIA-i.
11. Untuk menyertai Peraduan ini, Pelanggan hendaklah melanggan TIA-i. Untuk setiap langganan berjumlah minima RM 5,000, Pelanggan layak mendapat satu tiket penyertaan. Pelanggan boleh meletakkan jumlah penyertaan yang lebih tinggi untuk mendapatkan lebih banyak tiket penyertaan.

Peraduan ini diilustrasikan seperti berikut:

Jumlah Penyertaan	Tiket Penyertaan
Satu Penyertaan berjumlah RM5,000	1
Satu Penyertaanberjumlah RM15,000	3
Satu Penyertaan berjumlah RM17,000	3

12. Untuk tujuan Peraduan ini, Pelanggan yang telah memenuhi semua kriteria dalam Klausa 10 di atas akan disebut sebagai "Pelanggan yang Layak".
13. Pelanggan yang Layak yang memenuhi kriteria yang tersebut berpeluang untuk memenangi Hadiah Utama Peraduan berikut:

Hadiah	Ganjaran	Jumlah Pemenang
Hadiah Utama Peraduan	Dyson Pure Cool Advanced Technology T40	3

### **Pemilihan Pemenang Dan Pemenuhan Hadiah**

14. Pemenang akan dipilih melalui cara berikut:
  - a) Pelanggan yang Layak yang telah melanggan TIA-i semasa Tempoh Peraduan dan memperolehi tiket penyertaan mengikut Klausa 10 di bawah Mekanisme Peraduan akan disenarai pendek untuk Hadiah;

- b) Seratus (100) Pelanggan yang Layak akan dipilih secara rawak pada akhir Tempoh Peraduan (Pelanggan yang disenarai pendek).
  - 15. Pelanggan yang disenarai pendek akan dihubungi melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas (“SMS”) oleh Syarikat Perkhidmatan Servis Pesanan Ringkas yang dilantik atas usaha terbaik sebanyak SEKALI sehari pada bila-bila masa pada waktu pejabat (Isnin hingga Jumaat dari jam 9.00 pagi hingga 5:00 petang) melalui nombor telefon terkini yang diberikan oleh Pelanggan yang disenarai pendek yang direkod dalam sistem HLISB untuk menjawab satu (1) soalan dalam tempoh masa terpantas. Perkhidmatan SMS untuk Peraduan ini disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D), vendor SMS yang dilantik secara rasminya oleh pihak Bank (“M3 Tech”).
  - 16. Pelanggan yang disenarai pendek akan terlepas peluang untuk menyertai Peraduan ini jika Pelanggan yang disenarai pendek tidak berjaya menjawab soalan dengan betul / tidak menjawab soalan yang dikemukakan oleh HLISB atau Syarikat Perkhidmatan Servis Pesanan Ringkas yang dilantik melalui SMS dalam tempoh satu (1) hari kalender.
  - 17. Tiga (3) Pelanggan yang disenarai pendek pertama yang telah berjaya menjawab SMS dengan jawapan yang betul mengikut format dan dalam tempoh masa terpantas seperti yang diarahkan dalam SMS yang dihantar oleh HLISB atau Syarikat Perkhidmatan Servis Pesanan Ringkas dilantik dianggap sebagai pemenang Hadiah (“Pemenang”) bagi Hadiah Utama Peraduan.
  - 18. Pelanggan disenarai pendek akan menanggung kos SMS yang dikenakan semasa menyertai Peraduan ini.
  - 19. HLISB tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran atau penerimaan sebarang SMS ke atau daripada mana-mana pembekal perkhidmatan telekomunikasi yang mungkin menyebabkan Pelanggan disenarai pendek tidak dapat menyertai Peraduan ini.
  - 20. Pengumuman Pemenang dan penyerahan hadiah adalah seperti berikut (“Pengumuman Pemenang”):

Pemenang	Pengumuman Pemenang	Penyerahan Hadiah
Hadiah Utama Peraduan	Dalam tempoh 60 hari hari bekerja selepas tamat Tempoh Peraduan	Pemenang akan dihubungi oleh Bank sama ada secara bertulis atau melalui telefon untuk urusan penyerahan hadiah.

21. Pemenang akan dimaklumkan oleh pihak Bank sama ada secara bertulis, melalui telefon, SMS atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank (“Pemberitahuan Pemenang”) berdasarkan usaha terbaik menghubungi ke nombor telefon terkini yang direkodkan dalam sistem HLISB.

22. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Pelanggan bertanggungjawab untuk memberikan nombor telefon dan alamat terkini kepada pihak Bank. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya tidak dapat menghantar / menyampaikan Pemberitahuan Pemenang disebabkan nombor telefon atau alamat yang tidak sah atau tidak tepat yang diberikan oleh Pelanggan, atau SMS yang tidak dapat dihantar kerana apa jua sebab. Di samping itu, Pemberitahuan Pemenang (E.g Nama dan nombor Mykad/passport dalam bentuk terlindung (“ID”) akan diumumkan melalui laman sesawang HLISB di [www.hlisb.com.my/TIA-iwinners](http://www.hlisb.com.my/TIA-iwinners) dalam tempoh masa yang ditetapkan di bawah Klausa 20 Pemilihan Pemenang dan Penyerahan Hadiah.
23. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan atau kelewatan dalam memaparkan sebarang langganan TIA-i dalam akaun Pelanggan yang Layak, di mana kegagalan tersebut boleh menyebabkan Pelanggan yang layak tersebut tidak layak untuk menyertai Peraduan.
24. Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank dikecualikan daripada sebarang tanggungjawab dan semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada butir-butir Hadiah atau apa-apa keadaan yang tidak diduga dan di luar kawalan Bank dan untuk apa-apa perbuatan atau keingkaran daripada mana-mana pembekal atau pembekal pihak ketiga (jika ada).
25. TIA-i dan CASA-i/CASA Pemenang mestilah aktif dan sah, serta tidak boleh melanggar mana-mana terma dan syarat Peraduan ini dan/atau terma dan syarat umum TIA-i sewaktu tempoh pemberian Hadiah, sekiranya gagal, Hadiah tersebut boleh diambil semula oleh HLISB, tiada penggantian atas pemilihan baru sekiranya berlaku pelucutan hak.
26. Semua hadiah hendaklah diterima seadanya oleh Pemenang dan tidak boleh ditukar pemilik. HLISB berhak untuk menggantikan hadiah dengan apa-apa hadiah lain yang sama nilai.

## **General**

27. Dengan menyertai Peraduan ini, Pelanggan bersetuju:
  - i) untuk mematuhi Terma-terma dan Syarat-syarat yang terkandung;
  - ii) bahawa keputusan Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan ini adalah muktamad, mengikat secara keseluruhan dan muktamad;
  - iii) untuk mengakses laman sesawang HLISB di [www.hlisb.com.my/IA-i](http://www.hlisb.com.my/IA-i) dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma-terma dan Syarat-syarat Peraduan dan memastikan untuk mengambil tahu sebarang perubahan atau variasi terhadap Terma-terma dan Syarat-syarat.
  - iv) untuk memberi persetujuan kepada HLISB untuk mendedahkan atau menerbitkan nama pemenang, Nombor Kad Pengenalan Pendaftaran Negara (Kad Pengenalan) atau alamat e-mel atau maklumat hubungan dan / atau gambar di Laman sesawang HLISB, media, bahan pemasaran atau iklan;

- v) memberi kebenaran kepada HLISB untuk mengumpul dan menyiaran maklumat peribadi (i.e nama, Nombor KP, alamat email, dan/atau nombor telefon, di mana berkenaan) kepada Syarikat Perkhidmatan Servis Pesanan Ringkas untuk SMS sebagaimana difikirkan sesuai oleh pihak Bank untuk tujuan Peraduan ini.

28. HLISB berhak:

- i. untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau mengubah Terma dan Syarat yang terkandung dalam dokumen ini, sama ada secara menyeluruh atau sebahagian, dengan memberitahu Pelanggan terlebih dahulu. Bank akan memuat naikkan Terma dan Syarat yang telah dikemas kini di laman sesawang Bank, atau melalui mana-mana kaedah yang dianggap sesuai oleh Bank.
  - ii. untuk melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Peraduan ini disebabkan tidak mematuhi Terma dan Syarat yang terkandung dalam dokumen ini seperti mana yang dianggap munasabah oleh HLISB.
29. Semua Terma-terma & Syarat-syarat lain yang berkaitan dengan TIA-i akan terus diguna pakai melainkan disebut sebaliknya dalam Terma-terma & Syarat-syarat yang terkandung dalam dokumen ini.
30. Untuk melayakkan Pelanggan mendapat Kadar Indikatif Promosi TIA-i, langganan TIA-i hendaklah dilakukan semasa Tempoh Peraduan melalui Hong Leong Connect. Hadiah Utama Peraduan yang terdapat dalam semua bahan bercetak dan / atau laman web HLISB adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Sebarang alat peraga, aksesori atau peralatan yang ditampilkan bersama Hadiah dalam bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan dan tidak boleh menjadi sebahagian daripada Hadiah.
31. Untuk mengelakkan keraguan, Bank tidak memberikan jaminan berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian Hadiah (termasuk tetapi tidak terhad kepada kesahihan dan / atau penggunaan Hadiah dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Hadiah yang hilang, yang dicuri atau rosak). Pemenang akan berurus secara langsung dengan peniaga untuk sebarang pertanyaan, pertikaian atau tuntutan yang berkaitan dengan Hadiah tanpa merujuk kepada Bank.
32. Terma terma dan syarat akan ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan para Pelanggan bersetuju untuk tunduk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Sekiranya terdapat perbezaan antara Terma dan Syarat di sini dan apa-apa iklan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Peraduan, Terma dan Syarat terkini terdapat di laman sesawang HLISB.

33. Terma dan Syarat yang terkandung dalam dokumen ini juga Terma dan Syarat Umum TIA-i mesti dibaca bersama sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat perbezaan antara Terma dan Syarat di sini dan Terma dan Syarat Umum TIA-i, Pelanggan harus merujuk kepada Terma dan Syarat ini yang hanya terpakai untuk Peraduan ini.

34. Terma-terma dan Syarat-syarat Am yang diguna pakai untuk Peraduan ini boleh didapati di [www.hlisb.com.my/IA-i](http://www.hlisb.com.my/IA-i).
35. Perkataan yang merujuk kepada satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan perkataan yang menandakan tunggal merangkumi perkara yang bukan tunggal dan begitu juga sebaliknya.

**PRODUK INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM**